

20/11/1999

Ghafar tanding Batu Berendam

Norazmi Abdul Talib; Idzham Hadi Sidik

MELAKA, Jumaat - Dua calon Barisan Nasional (BN) yang diumumkan bertanding pada kira-kira jam 9.30 pagi, digugurkan tengah hari ini, bagi memberi peluang kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba bertanding dalam pilihan raya umum ini.

Mereka ialah Ketua Wanita Umno bahagian Batu Berendam, Datuk Hazizah Mohd Sultan yang sebelum ini dicalonkan bertanding di kerusi Parlimen Batu Berendam dan Setiausaha Umno bahagian Jasin, Datuk Dolah Atan bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Rim.

Ghafar yang pernah mengumumkan hasrat bersara, akan bertanding kerusi Parlimen Batu Berendam, manakala kerusi DUN Rim akan ditandingi oleh Ketua Wanita Umno Jasin, Senator Ramlah Abas, yang dilantik menjadi Ahli Dewan Negara pada 21 April lalu.

Setiausaha Akhbar Ketua Menteri, Shariff Ahmad, yang juga Pengarah Seranta Jentera Pilihanraya BN negeri, dalam satu kenyataan petang ini berkata, ada sedikit rombakan calon BN Melaka.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN memaklumkan perubahan senarai calon itu kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin tengah hari ini.

"Perubahan di saat akhir ini untuk memberi laluan kepada Ghafar bertanding Parlimen Batu Berendam dengan calon asal, Hazizah terpaksa mengosongkan tempat," katanya.

Menurutnya, Dolah pula yang dicalonkan mempertahankan kerusi DUN Rim turut digugurkan dengan digantikan Ramlah bagi mengisi kerusi tunggal wanita di negeri ini.

Katanya, Hazizah yang digugurkan sebelum itu dicalonkan berpindah daripada bertanding kerusi DUN Tangga Batu ke Parlimen Batu Berendam menggantikan Datuk Wira Mohd Ali Rustam bertanding kerusi DUN Paya Rumput.

Kerusi DUN Tangga Batu pula ditandingi muka baru iaitu Ketua Penerangan Umno bahagian Batu Berendam, Yaakob Mohd Amin.

Dolah berkata, beliau menerima keputusan di saat akhir itu dan bersedia berundur untuk kepentingan parti serta memastikan kemenangan BN.

"Saya tidak berkecil hati atau kecewa dengan perubahan ini dan berjanji akan terus berkerja kuat untuk memastikan BN mencapai kemenangan seterusnya meraih majoriti lebih dua pertiga dalam pilihan raya ini," katanya.

Hazizah pula ketika dihubungi di sini enggan mengulas lanjut mengenai penguguran namanya sebagai calon di saat terakhir walaupun sudah mengisi borang pencalonan.

Berdasarkan rombakan calon BN di saat terakhir ini, Umno mencalonkan tujuh muka baru bertanding kerusi DUN, selain daripada Ramlah (Rim) serta Yaacob (Tangga Batu).

Lima lagi muka baru calon Umno ialah Kapten (B) Abdul Karim Sulaiman (Sungai Udang), Abdul Aziz Isa (Pulau Sebang), Abdul Kadir Daud (Durian Tunggal), Datuk Amid Nordin (Alai) serta Nazari Adzim (Merlimau).

Muka baru dari MCA ialah Lim Swee Kiang bagi Parlimen Kota Melaka manakala tiga lagi bagi kerusi DUN iaitu Soon Tian Szu (Tengkera), Ng Peng Ann (Bandar Hilir) serta Chew Chong Lin (Durian Daun).

Ahli Parlimen Alor Gajah, Datuk Wira Abu Seman Mohd Yusof antara wakil rakyat daripada Umno kekal mempertahankan kawasan masing-masing.

Wakil rakyat Umno yang kekal dicalonkan mempertahankan kerusi DUN masing-masing ialah Datuk Abdul Azis Abdul Ghani (Sungai Rambai), Datuk

Ahmad Hamzah (Serkam), Datuk Ibrahim Durum (Kuala Linggi), Datuk Long Said (Ramuan China), Nawi Ahmad (Melekek), Datuk Ramli Mohd Said (DUN Masjid Tanah), Datuk Hamdin Abdollah (Rembia) serta Datuk Mo'min Abdul Aziz (Ayer Molek).

MCA turut mengekalkan wakil rakyatnya mempertahankan kawasan masing-masing, iaitu Datuk Dr Fong Chan Onn bagi Parlimen Selandar, Datuk Wira Gan Boon Leong (DUN Duyong), Datuk Poh Ah Tiam (DUN Bukit Sedanan), Datuk Seah Kwi Tong (DUN Ayer Keroh) serta Chong Tam Onn (DUN Ayer Panas).

Gerakan serta MIC mengekalkan calon tunggal masing-masing iaitu Datuk Chua Peng Song (DUN Bachang) dan Datuk R Raghavan (DUN Bukit Asahan).

(END)